

# DBKL tangani warga asing



**TIADA** apa yang dapat dilafazkan oleh orang ramai, khususnya warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), selain ucapan tahniah dan syabas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang terus-menerus membanteras kehadiran peniaga warga asing di ibu kota.

Pihak DBKL komited memastikan kawasan-kawasan strategik seperti pasar borong, Chow Kit, Bukit Bintang dan lain-lain tidak dicemari dengan aktiviti berniaga tanpa lesen oleh warga asing. Perbuatan mereka mengganggu peniaga tempatan yang memiliki lesen perniagaan sah.

Baru-baru ini DBKL melancarkan gerakan meroboh gerai warga asing di Lorong Muhibbah, berhampiran pasar Chow Kit. Kawasan ini merupakan pusat peniaga dan penjaja warga asing yang dikatakan telah lama beroperasi secara haram.

Kawan-kawan Kedai Kopi (KKKK) angkat topi kepada DBKL atas tindakan diambil. Ucapan tahniah juga kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa kerana mengambil tindakan tegas menangani isu yang sudah lama berlarutan.

DBKL memberi jaminan akan sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan panas yang dianggap lubuk warga asing berniaga. Apabila kawasan sedemikian dapat sahaja dikesan, DBKL tidak teragak-agak mengambil tindakan pantas.

Bagi KKKK, sangat bertepatan tindakan

drastik terhadap peniaga warga asing kerana mereka dilihat sebagai kelompok yang sengaja melanggar peraturan yang tidak membenarkan mereka berniaga. Kelompok ini juga tidak takut atau serik walaupun pelbagai tindakan diambil terhadap mereka sebelum ini.

Tabiat mereka ini bagai pahat dengan penukul. Sekali DBKL bertindak, mereka akan patuh sekejap sahaja. Selepas itu akan kembali dengan aktiviti masing-masing dengan harapan DBKL telah lupa kehadiran mereka.

Ini andaian yang silap kerana pemantauan berterusan sentiasa dilakukan. Peniaga warga asing ibarat pelanduk yang lupakan jerat tetapi jerat DBKL tidak lupakan pelanduk. Jika terus degil bersedialah menerima akibatnya. Pihak DBKL tidak akan berkompromi dengan mereka yang mempermainkan undang-undang negara.

Kita yakin DBKL akan terus tegas melaksanakan tindakan. Seluruh kawasan dalam bidang kuasanya diteliti dan dipantau bagi mengesan dan membanteras peniaga warga asing tanpa rasa takut atau pilih kasih.

Orang ramai terutama warga kota, bantulah DBKL untuk membolehkannya menjalankan tugas dengan lancar dan berkesan. Jika tahu kewujudan warga asing berniaga, segera laporkan kepada pihak berkuasa. Bersihkan ibu kota daripada kelibat mereka.